

RAHSIA AL-QURAN -DARI SEGI ILMU DAN FALSAFAH

“Al-Quran Al-Karim dan kesannya kepada akhlak dan ilmu pengetahuan”

Demikianlah mauduk yang telah ditulis oleh al-Alamah Tantawi Johari

tatkala mentafsirkan ayat 46 surah an-Nur, sebagaimana keterangan yang telah lalu.

KESANNYA KEPADA AKHLAK!

(Oleh Abdullah Basmeh)

Oleh kerana rumah tangga menjadi tempat pendidikan

yang utama yang di dalamnya seseorang itu akan mendapat

didikan budi pekerti maka Al-Quran Al-Karim telah

mewajibkan taat kepada ibu bapa:

“*Wa qada rabbuka alla ta'budu illa iyyah wa bi al-walidayn*

ihšana, imma yablughanna 'indaka al-kibar ahaduhuma aw kilahuma

Fala taqul lahumma uffin wala tanharhumma waqul lahumma qawlan karima.

Wakhfid lahumma janaha al-dhulli min al-rahmah waqul rabbi

Irhamhumma kama rabbayani saghira” - 23, 24, al-Isra'

(Tuhan memerintahkan supaya kamu jangan menyembah selain

daripadaNya, dan berbuat baik kepada ibu bapa jika

seseorang di antara keduanya telah tua atau kedua-duanya, janganlah

engkau mengeluarkan perkataan yang kasar kepada keduanya dan

jangan pula engkau herdik, dan hendaklah engkau ucapkan

perkataan yang mulia (lemah lembut) kepada keduanya. Rendahkan

sayap kehinaan kerana cinta kepada keduanya, dan hendaklah

engkau katakan: Ya Tuhanku! Rahmatkanlah keduanya,

sebagaimana keduanya telah mendidikku ketika aku masih

kecil).

Al-Quran tidak mengizinkan berlaku derhaka kepada ibu

bapa melainkan jika keduanya memaksa mengerjakan syirik

kepada Allah:

“*Wa in jahadaka 'ala an tushrika bi ma laysa laka bihi*

'ilm fala tuti'humma wa sahibhumma fi al-dunya ma'rufa...” -

15, Surah Luqman.

(Jika keduanya (ibu bapa engkau) memaksa supaya engkau

mempersekutukan Aku dengan sesuatu yang tidak engkau

ketahui akan dia, maka janganlah engkau turut perkataan keduanya

dan bergaullah dengan keduanya menurut secara patut...).

Kehormatan yang besar ini terhadap kedua ibu bapa

adalah menjadi asas yang di atasnya terbina perasaan taat

kepada aula al-amar – pihak yang berkuasa:

“*Ya ayyuha al-ladhi amanu ati'u Allah wa ati'u al-Rasul*

wa aula al-amar minkum” (Wahai orang-orang yang beriman, taatlah

kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasul dan

orang-orang yang berkuasa daripada kamu).

Adapun maksud “aula al-amar” di sini bukanlah tertentu

kepada pihak pemerintah sahaja tetapi meliputi tiap-tiap seorang

yang mempunyai kekuasaan dan pengaruh. Perkara ini telah

diisyaratkan oleh Rasulullah (SAW), sabdanya:

“*Kullukum ra'in wa kullu ra'in mas'ul'an ra'iyatihi*”.

(Tiap-tiap kamu adalah bersifat pengawal, dan tiap-tiap

seorang pengawal itu adalah ia bertanggungjawab akan

orang-orang yang terletak di dalam kawalannya).

Dengan ini jelaslah bahawa agama Islam menuntut seluruh

manusia taat kepada ketua-ketua yang berkuasa di atas mereka yang

kerananya akan dapat dihindarkan susunan masyarakat yang

kacau bilau dan segala-galanya akan menjadi kemas teratur

dengan tertibnya.

Al-Quran al-Karim telah membina akhlak berasaskan suatu

kelebihan yang terpuji iaitulah “al-Takwa”. Seseorang yang telah

menyelidiki akan ayat-ayat yang mengandungi kalimah “al-Takwa”

akan mendapat penjelasan bahawa maksud kalimah itu ialah seseorang itu dituntut menjauhkan diri daripada tiap-tiap perkara yang mendatangkan bahaya kepada dirinya atau kepada orang lain supaya sempadan-empadan persamaan yang sejati akan terdiri di dalam masyarakat manusia dan supaya kedudukan yang demikian berkekalan selama-lamanya dengan tidak mengenai sesuatu kecacatan yang mencederakan. Hal ini telah ditegaskan oleh Al-Quran:

“Ya ayyuha an-nas inna khalaqnakum min zakarin wa untha wa ja’alnakum shu’uban wa qaba’ila li ta’arafu, inna akramakum ‘inda Allah Atqakum”.

(Wahai sekalian manusia bahawasanya Kami jadikan kamu daripada seorang lelaki dan seorang perempuan, dan kami jadikan kamu berpuak-puak dan bersuku-suku supaya kamu berkenal-kenalan, bahawasanya orang yang terlebih mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang takwa).

Junjungan kita pula telah menjelaskan perkara ini, sabdanya:

“La fadla liahad ‘ala ahad illa bi al-takwa” (Tidak ada kelebihan bagi seseorang atas seseorang yang lain melainkan dengan takwa).

Ayat Quran yang tersebut di atas itu adalah terang menjelaskan bahawa tujuan yang terutama bagi masyarakat manusia yang berbagai-bagai puak dan berbagai-bagai suku itu ialah berkenal-kenalan (hidup beramah tamah dan bersefahaman). Di dalam ayat yang mulia ini maka Al-Quran telah mendirikan asas akhlak yang terbesar sekali lalu ditetapkan bahawa semulia-mulia manusia ialah yang bersifat takwa yakni yang mulia akhlaknya, bukan yang banyak hartanya, atau yang banyak orang-orangnya, atau yang bijak pandai, ataupun yang banyak ilmunya dan sebagainya.

Kesimpulannya adalah takwa itu ialah akhlak yang sempurna. Dan kerana itulah adalah kemudian itu pada pemandangan Al-Quran ialah sehampir-hampir sesuatu perkara kepada al-takwa, sebagaimana firmanNya:

“Wala yajrimannakum shana’anu qawmin ‘ala alla ta’dilu, I’dilu huwa aqrabu li al-takwa” – 8, al-Ma’idah.

(Janganlah kamu tertarik berlaku aniaya oleh kerana benci kaum kafir kepada kamu, lalu kamu tiada berbuat adil, hendaklah kamu adil kerana adil itu lebih hampir kepada takwa).

Al-Quran Al-Karim telah membalikkan kezahiran al-takwa itu kepada “tiga perkara”: menyuruh berbuat baik, menegah daripada berbuat jahat dan beriman kepada Allah.

Ketiga-tiga perkara ini adalah menjadi permulaan dan kesudahan bagi segala undang-undang adab dan pergaulan, firmanNya:

“Kuntum khoir ummatin ukhrijat li al-nas, ta’muruna bi al-ma’ruf wa tanhawna ‘an al-munkar wa tu’minuna bi Allah”.

(Adalah kamu – wahai umat Muhammad – ialah sebaik-baik umat yang telah lahir di dalam masyarakat manusia, kamu menyuruh berbuat baik, dan menegah berbuat jahat, serta beriman kepada Allah).

Sesiapa yang telah menyelidik akan kandungan Al-Quran nescaya akan kedapatan bahawa Al-Quran telah memberi kepada tiap-tiap seorang manusia kemahuan atau kehendak (aradat) yang berasaskan kebebasan:

“Wa qul al-haqq min rabbikum faman sha’a falyu’min waman sha’a falyakfur – faman ihtada fainnama yahtadi linafsihi waman dalla fainnama yadillu ‘alaiha...”

(Kata olehmu – ya Muhammad – bahawa kebenaran itu daripada Tuhan kamu, maka barangsiapa yang hendak (beriman) berimanlah ia, dan barangsiapa yang hendak (kafir) kafirlah ia – barangsiapa mengikut pertunjuk maka kebaikan pertunjuk itu akan terpulang kepada dirinya sendiri, dan barangsiapa sesat maka akibat kesesatan itu akan terpulang kepada dirinya sendiri...).

Oleh yang demikian maka orang-orang Islam pada zaman permulaan Islam dahulu telah menjadikan kitab suci Al-Quran itu panduan mereka dan mereka juga telah mengambil akan adab tertib dan akhlak yang dianjurkan itu menjadi syiar (cogan) mereka, maka hasilnya mereka telah mendapat kedudukan yang tinggi dan kejayaan yang cemerlang!

Seseorang penyelidik bagi kandungan Al-Quran akan mengetahui dengan jelasnya bahawa segala pimpinan dan nasihat ajarannya adalah bertujuan menyebarkan dan menggalakkan semangat pergaulan di dalam diri pemeluk-pemeluknya, maka semangat inilah yang menjadi sebab yang utama bagi tersiarnya agama Islam itu dengan luasnya sehingga di antara musuh-musuhnya yang bercita-cita hendak memusnahkan dari akar umbinya sekali, seperti orang-orang Tatar, Monggol dan lainnya, dan sehinggakan musuh-musuh ketatnya yang tersebut pada akhirnya telah menjadi pembantu-pembantu dan pembelanya yang berjasa.

Tidak ada jalan bagi Al-Quran supaya tersiar seruannya itu selain daripada langkah-langkah yang menjadi ikutan:

“Laqad kana lakum fi Rasul Allah uswatun hasanah”.

Sesungguhnya adalah bagi kamu pada (gerak langkah dan tutur kata) Rasulullah, ikutan dan contoh tauladan yang baik).

Dengan ini jelaslah bahawa contoh tauladan yang baik adalah menjadi cogan akhlak dan adab tertib yang telah dianjurkan oleh Al-Quran dan kerana itulah kedatangan barang di mana sahaja adanya kaum Islam maka di situlah akan tersiar seruan Islam sekalipun mereka tidak menjadi penyebar-penyebar agama atau bekerja khas kerananya.

Tidak juga Islam mempengaruhi seseorang dengan pemberian-pemberian, kerana adalah menjadi agama tabii manusia.

Sungguh tepat dan petah tatkala Rasulullah sallallahu alaihi wa salam mensifatkan Al-Quran, sabdanya:

“Fihī naba’ ma qablakum wa khabar ma ba’dakum wa hukm ma baynakum wahuwa al-fasl laysa bi al-hazl”.

“Di dalamnya (Al-Quran) terkandung cerita zaman yang terdahulu daripada kamu, dan berita zaman yang terkemudian daripada kamu, serta hukuman zaman yang ada di antara kamu, dia (Al-Quran) ialah kata pemutus (yang menceraikan di antara benar dengan salah) dan dia juga bukan suatu keterangan yang olok-olok!”

(Dalam keluaran yang akan datang akan disiarkan: “Al-Quran Al-Karim dan kesannya kepada ilmu pengetahuan”).

S Penjual rekod-rekod Mesir yang tunggal

S. HAMED BIN AHMAD ALSAGOFF **No. 730 NORTH BRIDGE ROAD, SINGAPORE.**

Sekarang sudah sampai dari Mesir

– Rekod-rekod cairophone dan vodaphone lagu-lagu baharu –

Dinyanyikan oleh ahli-ahli penyanyi yang handal dan masyhur dan bacaan Al-Quran ahli qiraat oleh al-Shaykh Taha al-Fashni Al-Ustaz Muhammad ‘Abd al-Wahhab – al-Ustaz Farid al-Atrash – al-Ustaz ‘Abd al-Ghani Sayyid – al-Ustaz Muhammad Amin – Al-Ustaz Karim Mahmud – al-Ustaz ‘Abd al-‘Aziz Mahmud, Al-Ustaz Sa’d ‘Abd al-Wahhab – al-Ustaz Muhammad Fawzi Al-Anisah Raja’ – al-Anisah Sabbah – al-Anisah Shafiyah Ahmad – Al-Anisah Ahlam – al-Anisah Taghrid – al-Anisah Nur al-Huda – Al-Anisah Layla Murad – al-Anisah Asmahan al-Anisah Siham Rifqi – al-Anisah Umm Kalthum.

Kita sedia menjual dengan banyak atau sedikit. Pesanlah

List nama-nama lagunya kita akan kirim dengan segera.

KATA-KATA BERHIKMAH

Jadikanlah manusia itu sebagai bapa-bapa saudara dan anak; kemudian hormatilah bapamu, bantulah saudara kamu dan kasihanilah anak kamu – Kata Hakim.

-----*-----*-----

Sepintar-pintar manusia ialah orang yang mengambil pelajaran dengan barang yang dilihatnya dan ternasihat dengan apa yang didengarnya – Kata Hakim.

-----*-----*-----

Apabila engkau melihat Allah SWT memberi seorang hambaNya harta dunia pada hal ia tetap derhaka kepadanya maka yang demikian itu hanya uluran daripadaNya (Allah) – Maksud hadis yang diriwayatkan oleh Ahmad, Tabrani dan Bayhaqi.

-----*-----*-----

Kedengkian itu merosakkan iman sebagaimana jadam merosakkan madu – Maksud hadis sahih yang diriwayatkan oleh Daylami.